

**LAMPIRAN 1**

**PANDUAN MENULIS RINGKASAN KERTAS CADANGAN  
PENYELIDIKAN/PENGAJIAN CBBPHLP DAN CBBPHLL SESI 2025/2026**

**A) PERINGKAT PENGAJIAN: PENGAJIAN PHD / SARJANA (PENYELIDIKAN PENUH)**

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu kenyataan berkaitan cadangan penyelidikan (calon Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan). Kertas Cadangan haruslah mengandungi elemen berikut:

- i) Nama, No. Kad Pengenalan, Bidang Penyelidikan dan Negara Pengajian Dipohon (*Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat*)
- ii) Latar belakang atau kajian perpustakaan (*Literature Review*) ringkas mengenai bidang kajian
- iii) Objektif kajian / Penyataan masalah (*Jelaskan apakah objektif/penyataan masalah yang mendorong tajuk ini dikaji*)
- iv) Skop kajian / Rangka kajian
- v) Kepentingan dan sumbangan cadangan kajian dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan penyampaian awam / pembangunan negara
- vi) Metodologi kajian (*Jelaskan metod-metod yang akan digunakan dalam membuat kajian seperti perpustakaan, kerja makmal, kajian luar, dokumentari persejarahan, wawancara/soal selidik, penafsiran dan analisis dan lain-lain*)
- vii) Bibliografi ringkas
- viii) Rangka jadual kerja
- ix) Sumbangan semasa kepada Jabatan (*Senaraikan sumbangan semasa kepada Jabatan seperti APC, Hasil kerja Inovatif dan Kreatif, penambahbaikan sistem penyampaian dan proses kerja di organisasi dan sebagainya*)

**Nota:**

Cadangan penyelidikan ini hendaklah **disediakan minimum sebanyak 10 muka surat bagi pengajian Ph.D dan sebanyak 5 muka Sarjana Penyelidikan Penuh serta ditulis di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**

Bagi pengajian peringkat **Ph.D dan Sarjana (Luar Negara)**, cadangan penyelidikan **WAJIB** disediakan dalam **Bahasa Inggeris**.

Cadangan penyelidikan mestilah bukan disalin daripada mana-mana penyelidikan dan **tiada unsur plagiat**.



**B) PERINGKAT PENGAJIAN: SARJANA (KERJA KURSUS)**

Pemohon dikehendaki mengemukakan satu pernyataan ringkas berkaitan bidang pengajian. Pernyataan haruslah mengandungi elemen berikut :

- i) Nama, No Kad Pengenalan, Bidang Pengajian dan Cadangan Negara Pengajian (*Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat*).
- ii) Cadangan Institusi Pengajian yang akan dipohon (3 pilihan UA/IPTS):

Bil.	UA/IPTS yang dipilih	Nama Kursus/Program	Jumlah keseluruhan jam kredit yang ditawarkan
1.			
2.			
3.			

- iii) Tujuan melanjutkan pengajian diperingkat Sarjana.
- iv) Ekspektasi berhubung ilmu dan kepakaran yang diharapkan dari pengajian yang dipohon
- v) Potensi / kepentingan pengajian yang dipohon kepada:
  - a. Penambahbaikan Skim Perkhidmatan / Organisasi / Perkhidmatan Awam
  - b. Pembangunan Negara
- vi) Keterangan ringkas berhubung cadangan tajuk dan skop kajian / tesis / disertasi
- vii) Sumbangan semasa kepada Jabatan (*Senaraikan sumbangan semasa kepada Jabatan seperti APC, Hasil kerja Inovatif dan Kreatif, penambahbaikan sistem penyampaian dan proses kerja di organisasi dan sebagainya*)

**Nota:**

Cadangan pernyataan ringkas bidang pengajian ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya sebanyak 3 muka surat serta ditulis dalam **Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris**.

Bagi pengajian peringkat di **Luar Negara**, pernyataan ringkas **WAJIB** disediakan dalam **Bahasa Inggeris**.

Cadangan penyelidikan mestilah bukan disalin daripada mana-mana penyelidikan dan **tiada unsur plagiat**.